



## KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI SARAWAK

Sehingga 26 April 2020 jam 12.00 tengahari terdapat 7 kes baharu COVID-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 adalah sebanyak 485 kes. Sebanyak 179 pesakit telah discaj atau sembah dan 16 kematian telah dilaporkan. Sehingga tarikh itu juga, 290 pesakit masih lagi dirawat di empat (4) hospital iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibu, Hospital Miri dan Hospital Bintulu. Buat masa ini, jangkitan COVID-19 ini masih lagi aktif dilaporkan berlaku di Sarawak terutama di daerah Kuching dan Kota Samarahan yang merupakan kawasan merah.

Bagi menangani jangkitan dan penularan COVID-19 di Sarawak terutama di kedua-dua daerah tersebut, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak terus menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan termasuk pengesanan kes secara aktif, pengesanan kontak rapat kepada kes positif, menjalankan saringan ujian COVID-19, membuat isolasi kes positif COVID-19 di dalam wad dan menempatkan kontak rapat kes melalui Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Akta 342, samada di rumah ataupun di Stesen Kuarantin yang dikenalpasti.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak juga melalui Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan akan menjalankan aktiviti pengesanan secara aktif (*Active Case Detection*) di dua lokasi iaitu di Taman Desa Ilmu dan Taman Unigarden di Kota Samarahan pada 27 hingga 30 April 2020. Aktiviti ini akan dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Pejabat Residen Samarahan, PDRM, RELA, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Unit Komunikasi Awam Sarawak dan lain-lain. Aktiviti pengesanan secara aktif ini akan melibatkan sebanyak 50 pasukan dengan 100 orang anggota.

Lawatan kami ke Kuching pada hari ini adalah bertujuan untuk meninjau situasi terkini COVID-19 di Sarawak, langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang telah dan sedang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan semua agensi terlibat dalam menghadapi pandemik COVID-19. Kami juga mengadakan perbincangan bagi sama-sama mengenalpasti perkara-perkara yang perlu diberi perhatian segera dan mengesyorkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan semua Kementerian dan Agensi yang terlibat akan sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan bagi menyokong langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sedang dilaksanakan bagi membendung penularan jangkitan COVID-19.

Pihak KKM mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri yang sangat aktif dan terlibat secara langsung dalam membendung penularan jangkitan COVID-19 ini. Kerajaan Sarawak telah banyak memberikan sumbangan dan sokongan bagi menangani pandemik ini termasuk bagi perolehan peralatan makmal dan peralatan perlindungan diri untuk petugas kesihatan.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih atas pelbagai sumbangan yang diberikan. Semoga kita sama-sama dapat mengawal dan membendung penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

**#KITA MESTI MENANG!**

**YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA**  
**Menteri Kesihatan Malaysia**

**26 April 2020**